

## **UNTUK SIARAN SEGERA**

### **Serlahkan Kecantikan Anda Dengan Panasonic Beauty**

**Dapatkan rambut yang cantik, lembut dan bersinar daripada dandanan rapi Pendandan Rambut Panasonic.**

**Kuala Lumpur, 20 November 2015** – Panasonic hari ini, memperkenalkan rangkaian terbaru Pendandan Rambut di sebuah ruang rehat mewah di tengah-tengah bandar, Marble 8, Kuala Lumpur. Buat pertama kalinya, ia mempamerkan 3 Pendandan Rambut yang moden dan sesuai untuk kaum wanita yang bijak dan aktif di Malaysia. Ketiga-tiga Pendandan Rambut ini telah dicipta mengikut kesesuaian gaya hidup kaum wanita yang muda dan sentiasa aktif, di mana rambut yang cantik dapat digayakan dalam masa beberapa minit sahaja.

**Serlahkan Kecantikan Anda** merupakan tema Panasonic Beauty bagi tahun 2015. Slogan ini bertujuan untuk mempromosikan kecantikan dalam konteks yang lebih besar, di mana kecantikan merangkumi setiap aspek dalam kehidupan seseorang dan tidak bergantung kepada rupa paras semata-mata.

*“Kecantikan berada di sekeliling kita dan ia boleh diluahkan melalui saat-saat indah ataupun kelakuan yang elok. Kadang-kala ia bergantung kepada kita untuk memastikan ia terjadi”*

Dilancarkan pada awal tahun ini, tema **Serlahkan Kecantikan Anda** bertujuan untuk memberikan kaum wanita hasil yang nyata, mudah dan penuh yakin.

“Panasonic melancarkan tema ini pada April 2015 dengan tujuan utama untuk menyokong dan memperkasakan golongan wanita di Malaysia dengan keyakinan dan kecantikan yang mereka patut miliki. Kami mahu memasarkan produk di mana setiap wanita dapat gunakan dengan mudah dan senang” kata Cheng Chee Chung, Pengarah Urusan Panasonic Malaysia.

Cheng menambah, “Kami akan terus mengendalikan siri jelajah dan demonstrasi secara langsung di pusat-pusat membeli-belah untuk menunjukkan dan berkongsi dengan pengguna-pengguna kami tentang keupayaan produk-produk Panasonic Beauty.”

Upacara yang dikendalikan pada hari ini merupakan langkah pertama yang diambil untuk memperkenalkan kepada rakan media dan penulis-penulis blog gaya hidup tentang penambahan baru ke dalam rangkaian Penjagaan Rambut Panasonic Beauty.

3 Pendandan Rambut baru yang telah dilancarkan adalah:

1. Pendandan Rambut Pelbagai Gaya, EH-HV51  
Pendandan Rambut ini mempunyai 5 sambungan tambahan yang mampu mencipta sebanyak 6 gaya rambut yang berlainan. Dengan teknologi barunya, *plat pengedaran haba sekata*, haba diedarkan dengan sekata serta membolehkan rambut didandan dengan lebih cepat dan sekata dan dapat digunakan dalam masa 15 saat sahaja.
2. Pendandan Rambut Lurus & Kerinting, EH-HV20

Pendandan Rambut dwicara ini turut mempunyai *plat pengedaran haba sekata* dan dapat digunakan dalam masa 15 saat sahaja (sama dengan EH-HV51). Dengan plat ekstra-panjang 105mm, Pendandan Rambut ini membolehkan rambut diluruskan dengan cepat dan dikerintingkan dengan mudah.

3. Pendandan Rambut Lurus & Kerinting Kompak, EH-HV10 berukuran hanya 23.5cm, Pendandan Rambut ini adalah sangat kompak dan boleh dimuatkan di dalam beg menyediakan penyelesaian kecantikan pada bila-bila masa dan di mana sahaja, Pendandan rambut ini dapat digunakan dalam masa 40 saat.

  - Kesemua tiga model di atas mempunyai plat foto seramik penjagaan warna bagi mengelakkan kepudaran warna rambut, mengekalkan kelembapan rambut dan mengelakkan kehilangan warna rambut.

Turut sama pada hari tersebut untuk berkongsi tip-tip dandanan rambut dan trend terkini ialah En. Yoshitaka Inao, Pengarah Gaya yang dikenali ramai daripada Salun Rambut Number 76.

## **Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd**

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran profesional, sistem perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke bateri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh didapati menerusi pengedar sah kami di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berkenaan jenama dan produk Panasonic, layari laman web kami di [www.panasonic.com.my](http://www.panasonic.com.my) atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan kami di 03-7953 7600.

Untuk ahli media, sila muat turun acara dan dokumen cetakan media serta gambar-gambar di [www.pmpressroom.com](http://www.pmpressroom.com)

Media Contact: Mazlee Mokhtar

Senior Executive, Corporate Communications & Branding

Marketing Innovation Department

Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Tel: 03 7809 7877

Fax: 03 7955 0722

Email: [mazlee.mokhtar@my.panasonic.com](mailto:mazlee.mokhtar@my.panasonic.com)